

07 OCT 1996

PEREBINCANGAN MAHATHIR-SUHARTO

KUALA LUMPUR, 7 Okt 7 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dengan Presiden Suharto dari Indonesia mengenai isu-isu kepentingan bersama di Jabatan Perdana menteri di sini.

Perbincangan mereka akan ditumpukan kepada perkara-perkara mengenai perdagangan dan diplomatik dan pendirian mereka mengenai Asean dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec).

Suharto, yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja selama dua hari, diiringi oleh Menteri Luarnya, Ali Alatas dan Menteri Negara, Moerdiono.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat turut hadir. Mohamed ialah menteri pengiring.

Lawatan Presiden Indonesia itu merupakan sebahagian dari perbincangan dua hala yang selalu diadakan antara kedua-dua pemimpin itu secara bertukar ganti di Malaysia dan Indonesia.

Kali terakhir mereka bertemu ialah di Bogor, Indonesia. selepas menghadiri sidang kemuncak Apec pada tahun 1994. Lawatan Suharto terakhir ke Malaysia ialah pada tahun 1993.

Suharto akan diraikan di satu jamuan makan tengah hari oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadualkan mengunjungi Suharto yang akan berlepas pulang ke Jakarta di sebelah petang. --

BERNAMA

ES WAT